



KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 28 OKTOBER 2020

STATUS TERKINI KES DISAHKAN COVID-19 YANG TELAH PULIH

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan bahawa pada hari ini, Malaysia mencatatkan bilangan kes pulih COVID-19 sebanyak **573 kes**. Ini menjadikan jumlah kumulatif kes yang telah pulih sepenuhnya dari COVID-19 adalah **19,072 kes** (64.8 peratus daripada jumlah keseluruhan kes). Pecahan kes yang telah pulih COVID-19 mengikut negeri adalah seperti berikut:

- Sabah (294 kes);
- Selangor (116 kes);
- Kedah (116 kes);
- Perak (23 kes);
- Pulau Pinang (18 kes);
- Melaka (4 kes);
- Pahang (1 kes); dan
- Johor (1 kes).

STATUS TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA

Dimaklumkan pada hari ini, negeri Sabah mencatatkan sebanyak 546 kes (68.2 peratus) dan negeri-negeri di Lembah Klang pula mencatatkan 103 kes (12.8

peratus) daripada jumlah keseluruhan kes. Keempat-empat negeri ini telah menyumbang sebanyak 649 kes (81 peratus) daripada jumlah harian kes positif COVID-19 secara keseluruhan. Kesemua negeri-negeri ini masih berada dalam Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB).

Untuk makluman, sebanyak 62 kes (7.7 peratus daripada jumlah keseluruhan) yang berkaitan kluster-kluster penjara turut dilaporkan pada hari ini.

Secara keseluruhannya, sehingga 28 Oktober 2020 pukul 12:00 tengah hari, sebanyak **801 kes baharu** telah dilaporkan menjadikan jumlah kes positif COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak **29,441 kes**. Manakala, **jumlah kes aktif dengan kebolehjangkitan COVID-19 pula adalah 10,123 kes**. Kesemua pesakit ini telah diasingkan dan diberi rawatan.

Ingin dimaklumkan daripada 801 kes baharu pada hari ini, terdapat dua (2) kes import yang mendapat **jangkitan dari luar negara** yang melibatkan satu (1) warganegara dan satu (1) bukan warganegara yang tiba dari negara:

- Iran (1 kes di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur); dan
- Arab Saudi (1 kes di Selangor).

Perincian kes penularan COVID-19 dalam negara adalah seperti berikut:

- **Sabah: 546 kes**
 - 89 kes daripada kluster-kluster, termasuk 11 kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Seri Gaya**;
 - 271 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - 186 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Selangor: 88 kes**

- 35 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
 - 33 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - 20 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Labuan : 29 kes**
 - 23 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
 - Dua (2) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - Empat (4) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Kedah : 28 kes** daripada kluster-kluster sedia ada.
- **Sarawak : 27 kes**
 - 21 kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Greenhill**; dan
 - Enam (6) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Negeri Sembilan : 24 kes**
 - 10 kes daripada kluster sedia ada;
 - 12 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - Dua (2) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Pulau Pinang: 19 kes**
 - 13 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
 - Empat (4) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - Dua (2) kes *Severe Acute Respiratory Infection* (SARI).
- **Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur : 13 kes**
 - Enam (6) kes daripada kluster-kluster sedia ada termasuk dua (2) kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Idaman**;

- Lima (5) kes saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - Dua (2) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Terengganu: 11 kes** daripada kluster sedia ada.
- **Johor : Lapan (8) kes**
 - Tujuh (7) kes daripada kluster-kluster sedia ada termasuk empat (4) kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Bayu**; dan
 - Satu (1) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Perak : Enam (6) kes**
 - Lima (5) kes daripada kluster-kluster sedia ada; dan
 - Satu (1) kes saringan kontak rapat kes positif COVID-19.

Sehingga kini, terdapat **94 kes** positif COVID-19 yang sedang dirawat di **Unit Rawatan Rapi (ICU)**, di mana **25 kes** memerlukan bantuan pernafasan.

Daripada maklumat terkini yang dilaporkan ke *Crisis Preparedness and Response Centre* (CPRC) Kebangsaan, dukacita dimaklumkan bahawa terdapat pertambahan **lapan (8) kes kematian** berkaitan COVID-19. Justeru, jumlah kumulatif kes kematian COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak **246 kes** (0.8 peratus daripada jumlah keseluruhan kes).

Ringkasan kes-kes kematian hari ini adalah seperti berikut:

Kes No. Kematian	Kes No.	Negeri	Jantina (Warganegara)	Umur (tahun)	Hospital	Latar Belakang
239	12156	Sabah	Lelaki (WN)	66	Hospital Queen Elizabeth	Penyakit kencing manis, darah tinggi dan dislipidemia

240	14415	Sabah	Perempuan (WN)	73	Hospital Tawau	Penyakit paru-paru kronik
241	15287	Sabah	Perempuan (WN)	35	Hospital Queen Elizabeth	Penyakit darah tinggi, asma, dislipidemia dan strok
242	29183	Sabah	Lelaki (WN)	67	Hospital Queen Elizabeth	Penyakit jantung dan gout
243	29184	Sabah	Perempuan (WN)	73	Hospital Queen Elizabeth	-
244	29185	Sabah	Lelaki (BWN)	70	Hospital Duchess of Kent	Penyakit kencing manis dan darah tinggi
245	29186	Sabah	Lelaki (BWN)	56	Hospital Duchess of Kent	Penyakit paru-paru obstruktif kronik (COPD)
246	28252	Selangor	Perempuan (WN)	61	Hospital Sungai Buloh	Penyakit kencing manis dan darah tinggi

*WN merujuk kepada warganegara dan BWN bukan warganegara

KKM mengucapkan takziah kepada semua ahli keluarga mereka.

EMPAT (4) KLUSTER BAHARU DILAPORKAN HARI INI

KKM ingin memaklumkan bahawa terdapat **empat (4) kluster baharu** telah dikenal pasti pada hari ini iaitu;

1) **KLUSTER SERI GAYA**

Kluster baharu ini melibatkan daerah Kota Kinabalu dan Tuaran di negeri Sabah. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-14153) telah dikenal pasti positif COVID-19 hasil saringan individu bergejala pada 27 Oktober 2020. Saringan kontak rapat telah mengesan sebanyak 16 lagi kes positif COVID-19. Kesemua kes telah dimasukkan ke Hospital Queen Elizabeth.

Sehingga 28 Oktober 2020, 12 tengah hari, sejumlah 64 individu telah disaring, di mana:

- 17 kes dikesan positif COVID-19 (11 kes baharu); dan
- 47 individu dikesan negatif.

2) **KLUSTER GREENHILL**

Kluster baharu ini dilaporkan di daerah Kuching dan Miri di negeri Sarawak. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-27786) telah dikenal pasti positif COVID-19 hasil saringan individu bergejala pada 25 Oktober 2020. Saringan kontak rapat telah mengesan sebanyak 24 lagi kes positif COVID-19. Kesemua kes telah dimasukkan ke Hospital Umum Sarawak dan Hospital Miri.

Sehingga 28 Oktober 2020, 12 tengah hari, sejumlah 51 individu telah disaring, di mana:

- 25 kes dikesan positif COVID-19 (**21 kes baharu**); dan
- 26 individu masih menunggu keputusan.

3) **KLUSTER IDAMAN**

Kluster baharu ini melibatkan daerah Petaling dan Gombak di negeri Selangor dan juga daerah Titiwangsa dan Cheras di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-16044) telah dikenal pasti positif COVID-19 hasil saringan individu bergejala pada 27 Oktober 2020. Saringan kontak rapat telah mengesan sebanyak 10 lagi kes positif COVID-19. Kesemua kes telah dimasukkan ke Hospital Sungai Buloh.

Sehingga 28 Oktober 2020, 12 tengah hari, sejumlah 481 individu telah disaring, di mana:

- 11 kes dikesan positif COVID-19 (**2 kes baharu**);
- 300 individu dikesan negatif; dan
- 170 individu masih menunggu keputusan.

4) **KLUSTER BAYU**

Kluster baharu ini melibatkan daerah Johor Bahru dan Muar di negeri Johor. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-25677) dikenal pasti positif COVID-19 hasil saringan individu bergejala pada 23 Oktober 2020. Hasil saringan kontak rapat mengesan tujuh (7) lagi kes positif COVID-19. Kesemua kes telah dimasukkan ke Hospital Enche' Besar Hajjah Khalsom, Kluang, Johor.

Sehingga 28 Oktober 2020, 12 tengah hari, sejumlah 104 individu telah disaring, di mana:

- 8 kes dikesan positif COVID-19 (**4 kes baharu**);
- 60 individu negatif; dan
- 36 individu menunggu keputusan.

NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19

KKM ingin menasihati orang ramai agar terus patuhi saranan serta nasihat-nasihat kesihatan yang sering ditekankan. Jadikanlah nasihat-nasihat ini satu kebiasaan baharu dalam kehidupan harian:

- **Elakkan 3S / 3C** : iaitu elakkan kawasan yang **sesak (*Crowded place*)**, elakkan kawasan yang **sempit (*Confined space*)** dan elak **sembang** atau bertutur dengan **jarak yang dekat (*Close conversation*)**.
- **Amalkan 3W** : iaitu kerap mencuci tangan dengan air dan sabun (***Wash***), memakai alat pelitup muka (*facemask*) di tempat awam yang telah diwajibkan oleh pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN) mulai 1 Ogos 2020 atau jika bergejala (***Wear***), dan (***Warn***) iaitu amaran dari KKM yang lebih berkonsep peringatan seperti:
 - Elakkan bersalaman / bersentuhan termasuk melagakan mana-mana bahagian tubuh badan sebagai menggantikan cara kebiasaan bersalam;
 - Amalkan etika batuk dan bersin;
 - Dapatkan rawatan segera jika bergejala;
 - Duduk di rumah dan elakkan kunjung-mengunjung;
 - Lakukan aktiviti disinfeksi dan pembersihan di kawasan yang kerap disentuh.

Patuhlah kepada S.O.P sebagai normal baharu iaitu:

- **S** : Syarat-syarat seperti yang ditetapkan di bawah Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP);

- **O** : Orang yang berisiko tinggi seperti kanak-kanak, bayi, warga emas dan orang kurang upaya (OKU) perlu dilindungi, individu tidak sihat dan bergejala dikehendaki segera menjalani pemeriksaan kesihatan;
- **P** : Penjarakan fizikal (*physical distancing*) sekurang-kurangnya 1 meter diamalkan pada setiap masa.

KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO). Orang ramai akan sentiasa dimaklumkan sebarang perkembangan terkini mengenainya. Begitu juga, KKM akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya adalah dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

28 Oktober 2020 @ 5.30 petang.

LAMPIRAN 1**BILANGAN KES COVID-19 MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA
(SEHINGGA 28 OKTOBER 2020, JAM 12:00 TENGAH HARI)**

NEGERI	BILANGAN KES BAHARU *()	BILANGAN KES KUMULATIF
SABAH	546	13,701
SELANGOR	89 (1)	4,360
W.P. KUALA LUMPUR	14 (1)	2,991
KEDAH	28	2,080
NEGERI SEMBILAN	24	1,516
PULAU PINANG	19	944
JOHOR	8	887
SARAWAK	27	846
PERAK	6	490
PAHANG	0	392
W.P. LABUAN	29	375
MELAKA	0	310
TERENGGANU	11	191
KELANTAN	0	179
W.P. PUTRAJAYA	0	141
PERLIS	0	38
JUMLAH KESELURUHAN	801 (2)	29,441

*() adalah merujuk kepada kes-kes import

**Status Terkini Kluster Aktif Yang Mencatat Kes Positif Pada Hari Ini
(28 Oktober 2020)**

	Kluster	Negeri	Daerah	Kes Baharu	Jumlah Kes	Jumlah Yang Disaring	Kes Aktif (Kes ICU)	Jumlah Sembuh	Jumlah Kematian
1.	Tembok	Kedah, Perak	Kota Setar, Baling, Kuala Muda, Sungai Petani, Kubang Pasu, Padang Terap, Larut Matang & Selama	26	1,705	8,870	575 (6)	1,127	3
2.	Benteng LD	Sabah	Lahad Datu, Tawau, Sandakan, Kinabatangan, Tuaran	26	1,122	16,535	248 (0)	873	1
3.	Kaya	Negeri Sembilan, WP Kuala Lumpur & Putrajaya, Melaka, Selangor	Seremban, Port Dickson, Kuala Pilah, Lembah Pantai, Cheras, Putrajaya, Melaka Tengah, Sepang, Klang, Kuala Langat, Kuala Selangor, Petaling, Hulu Langat	21	295	707	295 (0)	0	0
4.	Hentian	Selangor, WP Kuala Lumpur	Hulu Langat, Cheras, Titiwangsa	16	98	2,155	90 (0)	8	0
5.	Saguking	WP Labuan	Labuan	14	176	2,735	146 (0)	29	1
6.	Mesra	Sabah	Sandakan	14	49	116	41 (0)	7	1

7.	Makekar	Terengganu, Selangor	Kemaman, Dungun, Kuala Terengganu, Marang, Klang	11	28	416	28 (0)	0	0
8.	Titir	Sabah	Keningau	10	61	986	60 (0)	1	0
9.	Jalan Bomba	Sabah	Sandakan	8	39	316	25 (0)	12	2
10.	Penjara Reman	Pulau Pinang	Timur Laut	6	461	2,964	63 (0)	397	1
11.	Bayan	Pulau Pinang, Kedah	Seberang Perai Utara, Barat Daya, Timur Laut, Bandar Baharu	6	24	578	23 (0)	1	0
12.	Bina Labuan	WP Labuan	Labuan	6	20	171	19 (0)	0	1
13.	Tujuh Serangkai	Sabah	Tuaran, Kota Kinabalu	5	380	3,277	149 (0)	229	2
14.	Teduh	Sabah	Lahad Datu	5	22	2,392	10 (0)	12	0
15.	Ramai- Ramai	Sabah	Sandakan	4	254	777	125 (1)	129	0
16.	Auto	Selangor, Negeri Sembilan, WP Kuala Lumpur & Putrajaya	Petaling, Klang, Kuala Langat, Sepang, Gombak, Hulu Langat, Kuala Selangor, Seremban, Titiwangsa, Putrajaya	3	115	1,139	88 (0)	27	0

17.	Melati	WP Kuala Lumpur, Selangor, Pahang, Perak	Titiwangsa, Kepong, Cheras, Klang, Petaling, Hulu Langat, Kuantan, Bagan Datuk, Hilir Perak	3	65	306	57 (0)	8	0
18.	Alma	Pulau Pinang, Perak, Kedah	Seberang Perai Tengah, Seberang Perai Selatan, Seberang Perai Utara, Kerian, Bandar Baharu	3	36	592	27 (0)	9	0
19.	Kempas	Johor	Johor Bahru, Kulai, Pontian	3	33	477	33 (0)	0	0
20.	Kertang	Sabah	Kota Belud	3	28	724	28 (0)	0	0
21.	Limbungan	WP Labuan	Labuan	3	23	383	23 (0)	0	0
22.	Utama	Selangor, Melaka, WP Kuala Lumpur	Gombak, Hulu Langat, Petaling, Kuala Selangor, Alor Gajah, Lembah Pantai, Titiwangsa, Kepong, Cheras	2	231	892	52 (0)	179	0

23.	Bah Manggis	Sabah, Selangor, Negeri Sembilan	Tawau, Kuala Langat, Klang, Seremban, Port Dickson	2	73	1,984	34 (0)	39	0
24.	Buntar	Kedah, Perak, WP Kuala Lumpur & Putrajaya, Johor, Selangor, Pulau Pinang	Kuala Muda, Kerian, Kinta, Larut, Matang & Selama, Kepong, Putrajaya, Batu Pahat, Johor Bahru, Petaling, Sepang, Seberang Perai Selatan	2	52	993	38 (0)	14	0
25.	Penjara Tapah	Perak	Batang Padang	2	13	2,676	11 (0)	2	0
26.	Penjara Kepayan	Sabah	Kota Kinabalu, Papar, Penampang	1	1,670	3,491	1,665 (0)	5	0
27.	Penjara Seberang Perai	Pulau Pinang	Seberang Perai Selatan	1	256	3,392	182 (0)	74	0
28.	Tanamera	Sabah	Tawau	1	66	160	39 (0)	27	0
29.	Sungei Way	Selangor, WP Kuala Lumpur, Pulau Pinang	Petaling, Klang, Gombak, Hulu Langat, Kuala Langat, Titiwangsa, Lembah Pantai, Cheras, Timur Laut, Seberang Perai Utara	1	59	370	24 (0)	35	0

30.	Bah Tropicana	Selangor, WP Kuala Lumpur	Petaling, Gombak, Klang, Titiwangsa, Lembah Pantai	1	55	735	18 (0)	37	0
31.	Cahaya	Selangor, Negeri Sembilan, WP Kuala Lumpur	Petaling, Tampin, Titiwangsa, Lembah Pantai, Kepong	1	41	323	36 (0)	5	0
32.	Bah Kota	Selangor, Negeri Sembilan	Sepang, Petaling, Seremban	1	13	181	10 (0)	3	0
33.	Bandaran	Sabah	Kota Kinabalu	1	13	70	13 (0)	0	0